

# Kajian terperinci semua kawasan berbukit akan dilaksanakan

UM 22 NOV 2002

PUTRAJAYA 21 Nov. — Kerajaan akan melaksanakan kajian terperinci ke atas semua kawasan bukit di negara ini bagi menentukan sama ada ia selamat untuk didiami atau tidak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kajian menyeluruh itu melibatkan semua aspek topografi termasuk keadaan tanah di kawasan tersebut.

Di mana ada pembangunan dekat dengan bukit atau atas bukit atau di tepi bukit kita kena ada kajian yang sempurna bagi menentukan sama ada ia selamat atau tidak.

"Kita kaji betul-betul, keadaan topografinya, tanah dan ini bukan sahaja di tempat itu (Hillview) tetapi di kawasan lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian tanah runtuh yang meranapkan rumah bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar di Taman Hillview, semalam.

Dalam kejadian pukul 4.35 pagi itu, enam keluarga Ismail termasuk isterinya Puan Sri Azizah Abdul Aziz terbunuh manakala Ismail terselamat dengan hanya mengalami kecederaan di kaki.

Turut terkorban ialah dua pembantu rumah warga Indonesia.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri majlis berbuka puasa di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Kewangan Kedua, Datuk Jamaludin Jarjis, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Shafie Salleh dan Datuk Chan Kong Choy.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan wang sumbangan kepada kakitangan peringkat bawahan kementerian.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir menyifatkan kejadian tersebut sebagai malang kerana kejadian seperti itu sukar untuk diramal.

Beliau memberi contoh, dalam kejadian Highland Towers, kerajaan telah mengambil langkah memindahkan penduduk di kedua-dua bangunan tersebut yang dikhuatiri akan runtuh seperti mana bangunan yang terletak di sebelahnya.

Bagaimanapun jelas Perdana Menteri, kejadian yang diramalkan itu tidak berlaku di situ.

Sebaliknya, ia berlaku di tempat lain.

"Benda itu kita pun tak sangka. Tapi ia terjadi juga. Jadi kita kena lebih berwaspada," katanya.